

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 33

**Datuk Seri Noh Bin Haji Omar minta MENTERI TENAGA,
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah status terkini
Projek Langat 2 dan adakah sebarang kekangan daripada Kerajaan
Selangor dan bilakah projek ini akan siap dilaksanakan.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli yang berhormat

Setakat 30 September 2015, kemajuan keseluruhan pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan (Projek LRAL2) ialah 24.48% berbanding sasaran 35.33% iaitu lewat sebanyak 10.85%.

Kerajaan Negeri Selangor pada 5 Ogos 2015 telah membenarkan supaya semua kelulusan dan permit berkaitan Projek LRAL2 yang ditangguhkan sejak tahun 2010 dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan. Persetujuan ini dicapai selepas Kerajaan Negeri Selangor menandatangani Perjanjian Tambahan kepada Perjanjian Utama Penstruktur Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 10 Julai 2015.

Dengan termeterai Perjanjian tersebut, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah mengambil tindakan berikut:

- (i) mengadakan perbincangan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan Kelulusan Kebenaran Merancang, Kelulusan Kerja-kerja Tanah dan Perparitan, Kelulusan Pelan Bangunan dan Kelulusan Jajaran Paip;
- (ii) mengadakan perbincangan dengan Agensi Teknikal Kerajaan Negeri seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Urus Air Selangor untuk kelulusan-kelulusan berkaitan dan permit kerja;
- (iii) mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) Negeri Selangor dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Selangor untuk memastikan proses pengambilan tanah tambahan diteruskan; dan
- (iv) mengadakan perbincangan dengan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk memastikan permit penggunaan hutan dikeluarkan untuk Projek LRAL2 ini.

Namun begitu, proses permohonan untuk mendapatkan kelulusan dari PBT dan agensi tempatan yang lain dijangka mengambil masa kerana pihak PAAB perlu mengemukakan semula permohonan baru memandangkan permohonan dan kelulusan yang diperolehi pada tahun 2010-2011 tidak boleh diguna pakai lagi.

Oleh yang demikian, Projek LRAL2 dijangka hanya dapat disiapkan pada pertengahan tahun 2019. Kerajaan Persekutuan juga berharap agar Kerajaan Negeri Selangor tidak lagi menangguhkan kelulusan-kelulusan yang telah diberikan dan bersama-sama memudah cara dalam memastikan pelaksanaan Projek LRAL2 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya demi kepentingan rakyat di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sekian, terima kasih.
